

BERITA HARIAN

DATE: 1/9/2008

# Mahathir, isteri diminta kembali sertai Umno

BH-3/9/2008

**L**ANGKAWI: Umno cawangan Kampong Raja dan Atas di Padang Matsirat di sini meluluskan usul meminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyertai semula parti itu untuk menguatkan Umno sebagai tulang belakang kerajaan dan Barisan Nasional (BN).

Selain Dr Mahathir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut diusul menyertai semula Umno. Usul diluluskan pada persidangan Umno cawangan itu di Padang Matsirat kelmarin, kata Ketuaanya, Datuk Paduka Abu Bakar Taib pada sidang media di sini, semalam.

Abu Bakar berkata, usul itu dibawa ahli cawangan berkenaan, Datin Paduka Zaleha Md Gelam yang turut mencadangkan Majlis Tertinggi Umno me-

lantik Dr Mahathir sebagai penasihat parti dan Barisan Nasional (BN).

Beliau yang juga Ahli Parlimen Langkawi berkata, penyertaan semula Mahathir penting untuk mewujudkan kekuatan dan perpaduan Umno.

Abu Bakar berkata, selain itu, mesyuarat turut mencadangkan supaya kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya, Datuk Seri Najib Tun Razak melantik Dr Mahathir sebagai duta untuk menarik pelaburan luar negara ke Malaysia.

Dengan pengalaman luas Dr Mahathir dan negarawan ulung yang dihormati di seluruh dunia, Abu Bakar berkata Dr Mahathir mampu menarik pelabur ke negara ini. - Bernama